



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	3/2/2017	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN			

14 borang pencalonan PRK Tanjong Datu dibeli pelbagai pihak

KUCHING - Sebanyak 14 borang pencalonan bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjong Datu telah dibeli setakat semalam, kata Pengarah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Sarawak, Datuk Takun Sunggah.

Beliau berkata, borang berkenaan dibeli oleh tujuh individu termasuk wakil daripada Barisan Nasional (BN) menjelang hari penamaan calon Sabtu ini.

"Tujuh individu itu masing-masing membeli dua set, menjadikan jumlah 14 set borang telah dibeli," katanya ketika dihubungi *Bernamea*.

PRK DUN Tanjong Datu diadakan berikutan kematian penyandanginya, yang juga Ketua Menteri kelima Sarawak, Allahyarham Tan Sri Adenan Satem, 72, akibat komplikasi jantung pada 11 Januari lepas.

SPR menetapkan 12 Februari bagi pengundian awal dan 18 Februari bagi pengundian sekiranya ada pertandingan.

Dalam perkembangan berkaitan, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Seri Mohd. Hashim Abdullah berkata, proses penamaan calon

akan berlangsung selama sejam sehingga 10 pagi di Dewan Masyarakat Lundu, kira-kira 80 kilometer dari sini.

"Tempoh rasmi kempen pilihan raya hanya bermula selepas pegawai pengu-

rus pilihan raya mengisytiharkannya Sabtu ini dan kempen akan berakhir pada pukul 12 tengah malam 17 Februari," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak Ke-11 Mei, tahun lepas, Adenan mendapat 6,360 undi mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat, Jazolkipli Numan dengan majoriti 5,892 undi. Jazolkipli hanya meraih 468 undi.

Kelmarin, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu menamakan balu Allahyarham Adenan, Puan Sri Jamilah Anu sebagai calon BN bagi mempertahankan kerusi tersebut.

